



KOPI PAHIT

Sukarno, dalam pidatonya di Bandung pada 16 Mac 1958 menyeru supaya rakyat menyokongnya meranapkan kebangkitan di Sumatera Tengah dengan memberi perjanjian bahawa setelah ini sempurna rakyat nanti akan cukup makan, cukup rumah, anaknya akan dapat disekolahkan. Orang-orang bertanya dalam perkara ini bahawa: Apakah dalam masa 12 tahun merdeka rakyat masih kelaparan dan terpaksa makan tikus di bawah tadbirnya? Ia makan kenyang, hidup mewah dan boleh berfoya-foya ke sana ke mari, sebagaimana yang pernah diberitakan, sedang rakyat terbiar menderita? Begitu bung kalau jadi pemimpin, pemimpin kenyang, rakyat digembleng dan diadudombakan supaya ia kekal memerintah.

* * *

Nasib umat tidak akan berubah – kata Sukarno di dalam majlis itu sekalipun beribu-ribu doa untuk Indonesia diucapkan oleh Nehru, oleh Gamal Abdel Nasser, oleh U Nu, oleh Bandaranaike, oleh Borosilob, oleh Dallas dan lain-lain pemimpin disebutnya. Kalau orang Islam yang sebenar berharap kepada doa orang kafir untuk keselamatannya dan keselamatan dirinya maka nyata demikian itu terbitnya dari orang-orang yang mempermainkan agama; dan kerana itu orang Islam sendiri sudah mengetahui lebih dahulu akan ini kerana tidak ada orang Islam yang menadah tangan berdoa di hadapan kubur orang kafir di Washington selain daripada Sukarno! Begitulah riwayatnya Bung! Orang tidak hairan sekarang kalau ada orang yang mengatakan lidah Sukarno tidak bertulang – bercakap semahu-mahunya sahaja untuk mengabui sebahagian mata rakyat jembel!

* * *

Orang-orang Belanda di Indonesia sesudah timbul timbul perkara Irian Barat diminta keluar dari Indonesia dan kerana itu dari semenjak itu banyak orang-orang Belanda yang telah keluar tetapi setelah terjadi perang maka dikatakan pemerintah pusat (Sukarno) mengadakan peraturan supaya tenaga ahli-ahli Belanda tidak boleh keluar dari Indonesia. Cara pemerintahan yang berdolak-dalik ini bolehlah disebut “Sukarno Macam!”

* * *

Jaksa Agung, Ketua Polis dan Pegawai Tinggi Indonesia dikatakan telah bersidang untuk memikirkan apakah yang patut diambil kepada Filipina, Thailand, Malaya, Burma dan lain-lainnya, yang dituduh mereka menolong pihak pemberontak. Orang Indonesia (pihak Sukarno) memang suka mendatangkan tuduhan-tuduhan kepada orang lain tetapi dalam perkara perang saudara tidak mahu memeriksa persoalannya sendiri. Sukarno katakan “Dong” tindas sahaja pemberontak yang menuntut dengan sabar supaya Jemaah Menteri Juanda dan Dewan Nasional dibubarkan kerana menyalahi undang-undang dasar. Nampaknya kalau Sukarno langgar undang-undang tidak apa kerana ia punya mahu tetapi kalau orang lain meminta ia berbalik kepada undang-undang dasar – mesti ditindas sampai hancur! Ini pun Sukarno Macam juga.

* * *

Menteri Perkapalan Indonesia Mohammad Nazir tatkala memulangkan kapal-kapal K.P.M. setelah terdesak mengatakan bahawa kapal-kapal itu tidak diperlukan lagi. Mendengar keterangan ini orang tentunya teringat kepada cerita serigala dengan buah anggur, kerana tidak dapat anggur lalu membilangkan anggur itu tidak sedap. Tidakkah Indonesia sekarang terjerit-jerit kurang kapal dan kerananya banyak lapar? Ini satu contoh juga dalam pemerintahan Sukarno Macam!

* * *

Dalam sebuah tajuk berita sebuah Harian Melayu, dengan tujuan seakan-akan menyenda-nyenda mengatakan kitab Biawak Halal dituntut diharamkan. Tujuannya menyindir kitab karangan al-Ustādh Abū Bakar al-Ash‘arī, yang bernama Ibadat Rasulullah (SAW). Ia berfikir, juga harus perasaannya begitu, bahawa biawak itu haram. Tetapi kita berpendapat lain! Sebenarnya ialah kerana orang-orang di akhbar itu sebenar-benarnya jahil dalam agamanya – termasuk orang-orang yang cuba hendak memperkatakan agama. Sememangnya jahil Bung! Kata setengah orang kerana selalunya orang-orang Atheis itu cuba menyamar-nyamar atau berpura-pura beragama tetapi akhirnya belangnya terlihat juga. Kalau tidak percaya atau lebih mahu tahu halnya tanya sama:-

– Cemeti al-Farouk.